



Setiap orang inginkan keluarga mereka gembira, sihat dan selamat.



Kami berhak untuk bebas daripada keganasan di rumah kami dan juga dalam komuniti kami.



Wanita dan lelaki mempunyai hak yang sama di Australia.



Keganasan keluarga, serangan seksual dan perkahwinan secara paksa adalah jenayah di Australia, walaupun ia berlaku di rumah. Keganasan keluarga bukan hanya sekadar memukul, malah juga menjerit secara agresif, mengancam kanak-kanak, mengawal wang keluarga atau menghalang pasangan anda daripada berjumpa dengan kawan atau keluarga mereka.



Pihak polis di Australia adalah selamat dan boleh dipercayai. Jika anda atau orang yang anda kenali berada dalam bahaya, bercakaplah dengan pihak polis atau hubungi mereka di talian 000.



Di Australia terdapat perkhidmatan peka budaya yang dapat membantu agar anda selamat dan gembira.



Anda boleh mendapat bantuan untuk:



- keganasan rumahtangga dan keluarga
- serangan seksual
- penganiayaan kanak-kanak
- penderaan secara verbal

Hubungi pihak polis di talian **000** sekiranya anda berada dalam bahaya.

Hubungi **1800 RESPECT** secara percuma di talian **1800 737 732** jika anda memerlukan maklumat dan kaunseling sulit, Atau kunjungi laman web di: [www.1800RESPECT.org.au](http://www.1800RESPECT.org.au).

Hubungi **Polis Persekutuan Australia (Australian Federal Police)** di talian **131 237** jika anda menghadapi risiko perkahwinan secara paksa.



Hubungi **Perkhidmatan Penterjemahan dan Jurubahasa (Translating and Interpreting Service)** secara percuma di talian **131 450** jika anda memerlukan khidmat seorang jurubahasa.